



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA

Consumer Price Index

(Jan 2010=100)

JULAI 2014

July 2014



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), JULAI 2014

1. Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi bulan Julai 2014 menurun 0.6 peratus berbanding Jun 2014.
2. Penurunan sebanyak 3.2 peratus telah dicatatkan bagi Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah disebabkan oleh kos yang rendah bagi kebanyakan perabot dan perhiasan rumah, tekstil isi rumah, peralatan isi rumah, barangan kaca, pinggan mangkuk, kelengkapan isi rumah serta produk penyelenggaraan dan kebersihan. Pakaian dan Kasut menurun 7.0 peratus disebabkan oleh penurunan harga bagi pabrik kain terpilih, kebanyakan pakaian dan kasut. Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan juga menurun sebanyak 1.3 peratus disebabkan oleh kos yang rendah bagi dandanan rambut, barangan untuk kebersihan diri, produk kecantikan, jam, dan beg dan barangan perjalanan.
3. Sementara itu, peningkatan 2.6 peratus telah dicatatkan bagi indeks Perhubungan disebabkan oleh kos yang tinggi bagi perkhidmatan telefon dan telefaks. Indeks Pengangkutan juga meningkat sebanyak 0.3 peratus disebabkan oleh peningkatan kos pada alat ganti dan aksesori kenderaan.
4. IHP bagi Julai 2014 menurun 0.2 peratus berbanding Julai 2013 yang mana sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan indeks Perhiasan, Peralatan

Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah; Rekreasi dan Kebudayaan; dan Pakaian dan Kasut.

5. IHP ini adalah petunjuk bagi mengukur perubahan harga barangan dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa tertentu. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berasaskan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Julai 2014 boleh didapati melalui laman web JPKE: www.depd.gov.bn.



**MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
PRIME MINISTER'S OFFICE**

CONSUMER PRICE INDEX (CPI), JULY 2014

1. *The Consumer Price Index (CPI) for July 2014 decreased by 0.6 per cent over June 2014.*
2. *A decrease of 3.2 per cent was recorded in Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance due to lower cost of furniture and furnishings, household textiles, household appliances, glassware, tableware and household utensils as well as cleaning and maintenance products. Clothing and Footwear decreased by 7.0 per cent due to lower prices of selected clothing materials, several garments as well as shoes and other footwear. Miscellaneous Goods and Services also decreased by 1.3 per cent due to lower cost of hairdressing, personal hygiene, beauty products, clocks and watches as well as travel goods and bags.*
3. *On the other hand, an increase of 2.6 per cent was recorded in Communication index due to higher cost of telephone and telefax services. Transport index also increased by 0.3 per cent due to higher cost of spare parts and accessories of vehicles.*
4. *CPI for July 2014 decreased by 0.2 per cent compared to July 2013, largely due to lower indices of Furnishings, Household Equipment and Routine Household Maintenance; Recreation and Culture; and Clothing and Footwear.*

5. *CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey. The CPI full report for July 2014 is available from JPKE's website: www.depd.gov.bn.*